

*UCHAPAN PRESIDEN UMNO MERANGKAP
PERDANA MENTERI, Y.A.B. TUN HAJI
ABDUL RAZAK BIN HUSSEIN DI-MAJLIS
PERESMIAN SEMINAR PEMBANGUNAN
PERGERAKAN PEMUDA UMNO MALAYSIA
DI-SIRI MORIB, MORIB PADA 25. 7. 1971.*

Saudara Pengerusi,
Ahli2 Majlis Kerja Tertinggi,
Ahli2 Majlis Kerja Pemuda,
Saudara2:

Ini-lah kali pertama kita ahli2 Parti berhimpun beramai2 di-perengkat nasional semenjak saya mengumumkan Manipol 11 May, 1971, ia-itu Manifesto Politik UMNO untuk menghadapi chabaran2 di-perengkat Baru dalam tahun2 tujuh pulohan, pada 10hb Mei, 1971, sempena Perayaan Jubli Perak UMNO.

Saya bershukor ka-hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di-atas taufik dan hidayah-Nya kepada kita dan limpah kurnia-nya dalam segala usaha dan perjuangan Parti dan kita persa-orangan semenjak perjumpaan yang bergembira dan bersejarah dua sa-tengah bulan dahulu.

Kehadiran kita semua di-Seminar ini terus membuktikan dengan terang-nya kejayaan kita setakat ini dan keazaman dan kesanggupan kita untok mengorbankan apa jua yang ada dan perlu bagi menyambong perjuangan kebangsaan Parti kita di-atas landasan yang telah di-bena dengan kukoh-nya 25 tahun yang lalu.

Saudara2:

Thema Seminar hari ini ia-lah "Pemuda dan Pembangunan." Thema ini kena tempat-nya dan sesuai dengan keadaan dan kenyataan yang ada dan yang sedang dan akan berlaku dalam Negara kita dan selaras dengan dasar dan hasrat Kerajaan Perikatan yang di-dukong oleh UMNO, Parti kita.

Semenjak 12hb hingga 19hb July, ia-itu semenjak Buku Merah yang membentangkan Rancangan Malaysia Yang Kedua 1971-1975 di-terbitkan untok bacaan dan kajian umum, Negara kita telah di-timpa oleh 'Development Virus' atau kuman yang merebakkan penyakit pembangunan dan saudara2 pun hari ini telah kena penyakit pembangunan walau pun tidak di-jangkit masa kemunchak kuman pembangunan merabak dan mengamok, ia-itu, dalam masa yang saya katakan tadi.

Sa-benar-nya, saya bershukor kepada Tuhan bahawa 'penyakit pembangunan' ini telah baik di-kalangan Ahli2 Dewan Ra'ayat. Saya telah beri mereka 'double-dose injection' dan Tun (Dr.) Ismail 'triple-dose injection' — terutama sekali kepada Ahli2 Dewan Ra'ayat

dari Parti2 Pembangkang, bukan saja mengubati merek fikir chukup untok menghindarkan kedatangan virus ka-mereka buat beberapa lama.

Sebalek-nya, saya tidak suka Penyakit Pembangunan ini semboh di-kalangan saudara2 dan orang2 Melayu dan Bumiputra yang lain. Saya suka penyakit ini merebak kapada mereka hingga-lah mereka terok dan tenat di-timpa virus ini dan dengan itu mereka terpaksa-lah berusaha dan menchari ikhtiar bagi menghapuskan kuman ini – dan jika mereka berjaya tatkala itu orang2 Melayu telah pun maju dan “well-established proportionately” dalam dunia perdagangan, perusahaan, profession dan private sector yang lain.

Bumiputra Kaum Entrepreneur

Saudara2:

Dasar Ekonomi Baru Kerajaan saperti yang terkandung dalam Rancangan Malaysia yang Kedua itu bertujuan mengwujudkan sa-buah Negara Malaysia yang tegoh, ma'amor, bersatu padu dan progresif di-mana kekayaan alam dan kemudahan2 moden dan tamaddun-nya dapat di-neikmati oleh semua ra'ayat tanpa kira bangsa dengan adil dan saksama.

Bagi menchapai chita2 itu, Kerajaan mesti-lah menchapai beberapa matlamat yang besar, antara-nya ia-lah: pembasmian kemiskinan di-kalangan ra'ayat. Penyusunan semula masharakat Malaysia dengan tujuan mengurangkan dan, lama kelamaan, menghapuskan sama sekali fungsi2 atau kegiatan ekonomi berdasarkan suku dan kaum dan bagi menchapai ini maka mustahak-lah Kerajaan mewujudkan

satu masharakat Melayu dan Bumiputra dalam bidang perdagangan dan perusahaan yang maju dan dinamis dan dengan itu menjadikan mereka satu golongan ra'ayat Malaysia yang baru, hidup dan bekerja bersatu padu ma'amor untok berkhidmat kapada Negara, bangsa dan ugama.

Sungguh pun mas'alah ini rumit, tetapi saya sendiri akan memimpin dan menyelaraskan usaha untok membentokan satu golongan orang2 Melayu dan Bumiputra menjadi "satu golongan entrepreneur". Saya perchaya dengan kerjasama pemimpin2 politik, pegawai2 Kerajaan dan orang2 Melayu dan Bumiputra sendiri, chita2 kita itu dapat menjadi kenyataan.

Dalam Ranchangan Malaysia Kedua ini, usaha ini hanya merupakan perengkat awal tetapi perengkat yang penting, untok menchapai penukaran rangka masharakat dari masharakat tani dan nelayan kapada masharakat industrial dan perdagangan yang moden di-mana pengeluaran dan pembahagian yang akan membawa kapada pembahagian pendapatan dan harta yang lebeh saksama, pembangunan Daerah yang sa-imbang dan peluang2 bekerja yang bertambah dan kegiatan ekonomi yang stabil.

Dengan matlamat2 Kerajaan ini di-terangkan dengan jelas-nya maka saya berharap dan menasihati orang2 Melayu supaya bekerja kuat, amanah dengan bangsa mereka sendiri dan pandai pula merebutkan peluang dan rekzi yang luas dalam Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini dan sudah tentu kita semua akan dapat menekmati kebahagiaan dan kesejahteraan ekonomi dan kehidupan jika kita semua pandai merebut dan melaksanakan matlamat2 Kerajaan ini.

Dasar Ekonomi Baru Kerajaan akan dapat mengatasi mas'alah2 kemiskinan dan penganggoran dan juga menyempitkan jurang perbedzaan ekonomi di-antara ra'ayat berbilang bangsa dalam negara ini.

Saya dan Kerajaan berazam untok menchari ikhtiar supaya kekayaan alam di-Malaysia ini dapat di-majukan dengan sebaik2-nya dan hasil-nya akan dapat di-nekmati dengan saksama oleh semua ra'ayat. Tetapi berjaya atau sa-balek-nya usaha2 dan ranchangan2 Kerajaan ini bergantung kapada sikap atau 'attitude' ra'ayat terutama orang2 Bumiputra dan kesanggupan mereka menerima chabaran2 dan dugaan2.

Saya yakin kejayaan ranchangan2 ini ada-lah bergantung kapada sikap ra'ayat dan kesanggupan mereka menerima dugaan2 dan chabaran2 hidup. Kita mesti-lah berani mengubah falsafah hidup mereka hari ini ia-itu hidup "kais pagi makan pagi" atau "subsistence economy" kapada hidup yang moden. Mereka mesti-lah juga faham dan mengetahui bahawa usaha2 yang di-kehendaki dari mereka itu bukan saja bekerja untok memenohi keperluan hidup sahaja bahkan untok membolehkan mereka mempunyai wang dan pendapatan yang chukup bagi menekmati kemudahan hidup yang lebeh baik dan lebeh sempurna menurut zaman dan lagi baik jika pendapatan yang lebeh itu di-simpan untok waktu2 susah.

UMNO Pendorong Pembangunan

Sebagai Parti pemerintah, ahli2 UMNO mesti-lah bukan saja setakat mengerti dan faham tentang Dasar Ekonomi Baru Kerajaan tetapi mereka wajib-lah mengambil bahagian yang utama dan aktif dalam menjayakan pelaksanaan-nya. Pemimpin2 dan ahli2 Parti harus-

lah bersama2 dengan pemimpin2 Kerajaan menggesa ra'ayat semua bekerja kuat dan mendorong pegawai2 Kerajaan menggerakkan jentera Kerajaan supaya ia lebih cekap dan lincik bagi menjayakan pelaksanaan Rancangan ini.

Peluang2 bagi orang2 Melayu dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua ini ada-lah besar, maka terpulang-lah kepada orang2 Melayu merebutkan bagi faedah-nya. Di-sini-lah peranan penting yang boleh di-mainkan oleh ahli2 UMNO khas-nya mereka yang bertanggung jawab tentang mas'alah ekonomi dalam Parti. Mereka mesti-lah menggesa dan menolong menyediakan orang2 Melayu untok berlumba2 merebutkan peluang2 ekonomi dan kalau kita kurang berjaya juga berbuat demikian, jangan-lah pula semata2 menyalahkan pihak Kerajaan.

Kerajaan dan saya sendiri boleh dan akan memberi orang2 Melayu dan ahli2 UMNO pimpinan yang dinamis dan jujur tetapi ini akan menjadi sia2 belaka jika orang2 Melayu dan ahli2 UMNO sendiri tidak sedia dan sanggup menyambut chabaran saya itu dengan penoh dinamis dan kejujoran juga.

Saudara2:

Dasar, strateji dan chara2 pelaksanaan Rancangan Malaysia Yang Kedua yang mengandongi Dasar Ekonomi Baru yang menyatukan 'new force' dan 'new realism' telah pun di-terima sa-bulat suara oleh ahli2 Dewan Ra'ayat yang mewakili seluruh ra'ayat Malaysia. Mereka semua bersependapat bahawa Rancangan Malaysia Yang Kedua ini dapat mengatasi mas'alah2 kalau tidak pun membasmikan langsung kemiskinan dan penganggoran, akan berjaya menyempitkan jurang

perbedaan ekonomi di-kalangan ra'ayat yang berbilang bangsa dan menyusun semula masyarakat Malaysia dengan mewujudkan golongan professional, middle-class, kaum entrepreneur, majikan, pengusaha2 Bumiputra dan Bumiputra dalam medan pekerjaan dan kegiatan lain2 lagi.

Perkara yang selalu di-bangkitkan oleh kritik2 Rancangan Malaysia Yang Kedua ia-lah soal pelaksanaan. Di-sini seperti yang telah saya terangkan ketika mengemukakan dan menggolongkan usul dalam Parliman, Kerajaan telah pun menyediakan Jentera pentadbiran yang baru untuk menyelaraskan segala tenaga Kerajaan termasuklah badan2 yang telah di-tubuhkan oleh Kerajaan, supaya mereka semua dapat menyatukan usaha dan tenaga menuju ka-arah matlamat yang satu, dengan hati yang satu dan semangat yang sama; one heart, one mind towards one objective.

Saya bersetuju sa-penoh2-nya bahawa pelaksanaan merupakan anak kunci kejayaan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat negara ini. Ada sa-tengah2 dari kritik2 yang menyatakan kebimbangan mereka tentang pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua, sementara mengakui bahawa matlamat-nya ada-lah baik dan wajar, tetapi Kerajaan tidak akan menjalankan-nya dengan adil.

Saya suka mengulangi lagi jaminan kepada semua ra'ayat di-seluruh Negara bahawa dalam melaksanakan dasar2 dan rancangan2 yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kedua, Kerajaan akan sentiasa berlaku tegas, adil dan saksama. Oleh itu, mereka jangan-lah bimbang kerana Kerajaan berpegang tegoh kepada prinsip2 Rukunegara dan Manipol 11 May 1971 tambahan pula, negara kita maseh kaya

dengan kekayaan alam, yang mana kalau di-gunakan dan di-majukan dengan sa-baik2-nya akan dapat sama2 di-neikmati dengan saksama oleh ra'ayat.

Fahami Strateji Kerajaan

Saya tidak perlu berchakap panjang lebar berkenaan dengan Rancangan Malaysia Yang Kedua ini kerana saudara2 boleh-lah membuat kajian sendiri dan saya perchaya saudara2 akan bersependapat dengan wakil2 ra'ayat dari semua parti berkenaan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan kita.

Untuk mengelakkan saudara2 terkeluar dari landasan atau bagi menentukan saudara2 membuat kajian "using the right premise", saya chadangkan supaya ahli2 Seminar membacha dengan teliti akan kandungan Buku Merah dan saudara2 sa-harus-nya telah pun ada satu naskhah tiap2 sa-saorang. Ibu Pejabat Pemuda sa-harus-nya telah memberikan perchuma atau menjualkan Buku2 ini kepada saudara2 dan saudara2 juga sa-harus-nya telah mempunyai sa-kurang2-nya ucapan2 usul dan jawapan saya berkenaan dengan Dasar Ekonomi Baru dan juga jawapan2 yang di-kemukakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr. Ismail berkenaan perkara yang sama bagi panduan dalam sa-barang perbinchangan saudara2.

Jika saudara2 tidak membacha dan memahami benar2 apa yang terkandung dalam Buku Merah itu maka saudara2 kurang menunaikan tugas saudara2 sebagai ahli2, pemimpin2 dan kader2 Parti. Yang mustahak lagi, bagaimana pula saudara2 hendak membinchagkan pembangunan dalam context negara kita dengan serious dan bertanggung jawab kalau saudara2 tidak faham akan strateji dan matlamat2

Kerajaan seperti yang terkandung dalam Buku Merah itu?

Dengan keterangan ringkas saya ini, saya berharap melalui pembacaan saudara2 sendiri, saudara2 akan lebih faham dasar2 dan matlamat2 kita bersama.

Saya berharap saudara2 akan memberi sokongan sa-bulat suara kepada Ranchangan yang amat penting dan mustahak ini yang mana akan merupakan dorongan dan inspirasi kepada sekalian yang berkenaan untuk melaksanakan-nya dengan semangat yang bersungguh2.

Sebelum Ranchangan ini tamat pada tahun 1975, saya berharap kita bersama2 dapat masuk kepada satu zaman pembangunan baru yang memenohi hasrat dan chita2 ra'ayat seluruh-nya, membawa mereka kebahagiaan dan kemakmoran sapertimana yang di-kehendaki. Kita akan berjaya, syarat-nya kita orang2 Melayu khas-nya menyahut dan menyambut chabaran2 di-hadapan kita dengan berani dan amanah.

Saudara2:

Pembangunan di-Negara kita ini pelek dan berlainan dengan proses pembangunan di-Negara2 lain di-rantau ini. Oleh kerana Negara kita mempunyai sejarah yang kurang "revolutionary" tetapi ini tidak-lah pula merugi bahkan kekurangan itu telah menguntongkan kita, maka Malaysia tidak-lah di-hinggapi oleh penyakit ideology apa lagi menyuborkan sa-barang ideology.

Pembangunan di-Malaysia, kerana itu, telah berjalan dengan baik dan juga di-sebabkan kita mempunyai gulongan perusahaan,

perdagangan dan perniagaan yang chekap, walau pun benar mereka itu terdiri dari orang2 yang bukan bumiputra.

“Doctrine Kebajikan”

Kita telah berjaya selama 14 tahun membangunkan negara kita dengan hanya berharap dan menyerahkan kegiatan2 ekonomi kepada private industri dan ini telah mendapat hasil yang baik dari segi kemajuan nasional.

Tetapi dari segi orang2 Melayu menyerah bulat2 kepada private industri kegiatan2 ekonomi tidak-lah begitu memuaskan kerana penyertaan orang2 Melayu dan bumiputra sangat-lah kurang sekali. Dan oleh kerana Malaysia tidak di-hinggapi oleh sa-barang ideology sechara extreme dan kerana Kerajaan dan pemimpin2 kita “flexible dan pragmatic” dan bertimbang rasa, maka di-bawah Rancangan Malaysia Yang Kedua, “the State has felt it necessary to undertake industrial and commercial enterprises on its own or through its agencies”.

Kerajaan akan mengambil peranan yang bertambah aktif dan dengan sechara langsung atau melalui agency2-nya dalam bidang perusahaan dan perdagangan bagi memberi sumbangan yang lebeh berma'ana bagi menjayakan matlamat2 ekonomi dan masharakat — yang penting ia-lah bagi melahirkan satu gulongan entrepreneur dan profession bumiputra yang besar bilangan-nya yang merebak dan menyeluroh di-semua perengkat masharakat.

Saudara2:

Ini-lah kebaikan-nya tidak ada sifat2 ‘dogmatic’ atau ‘rigid’

dalam polisi2 Negara. Faedah2-nya sangat besar — satu2 Negara itu tidak terikat oleh ideology sechara melulu. Kita berubah mengikut masa dan zaman. Dalam zaman lima dan enam pulohan, kita serah kepada private industri bagi menchapai matlamat2 zaman itu dan sekarang pula kita adakan “State Participation” bagi menchapaikan matlamat2 dan objective yang lain pula dan sesuai dengan keadaan dan hasrat ra‘ayat Bumiputra.

Kalau itu-lah apa yang di-namakan “Doctrine Kebajikan” maka kita bukan saja telah masok ka-ambang bahkan telah pun melaksanakan “Doctrine Kebajikan” melalui Bank Bumiputra, Pernas, MARA, Bank Pertanian dan Lembaga Letrik Negara, Keretapi Tanah Melayu dan badan2 saperti UDA (Urban Development Authority) dan badan2 lain lagi yang akan di-tubuhkan tidak lama lagi.

‘Socialism’

Dasar kita sekarang ia-lah bertujuan bagi “memberi dan membahagi kekayaan Negara dengan adil dan saksama dan memberi semua ra‘ayat tanpa kira bangsa peluang2 yang sama bagi menekmati kekayaan dan rezki yang luas dalam Negara, bersama2 berkhidmat dengan bersatu padu bagi menjadi Malaysia ini lebeh kuat, kukoh dan bahagia lagi bagi semua.” Nampak-nya, Dasar kita ini tidak lari dari maksud atau Paul Sigmund’s Concept of the “Socialism” in new and developing nations: Mengikut Sigmund, this socialism is “fed by a passion for social equality, and by a desire for rapid economic development ... It is a nationalist socialism, and, therefore, it rejects the Marxist-Leninist theory of the class struggle, at least, as applied to internal economic relations”. Ini-lah sa-baik2 jawapan kita kepada intellectual2 dan infantile Socialists dan kritik2 kita dari pihak kiri.

Ini-lah apa yang di-katakan dasar pragmatism dan UMNO ada-lah sa-buah Parti yang praktikal – perjuangan-nya sentiasa sesuai dengan aliran zaman dan selagi kita tundok kapada prinsip ini – berubah mengikut tuntutan zaman – maka selama itu-lah UMNO akan terus kuat dan di-sokong oleh bukan sahaja orang2 Melayu tetapi ra'ayat Malaysia yang ingin melihat Negara ini terus maju dan ra'ayat-nya yang terdiri dari berbagai2 keturunan itu hidup dengan penoh muhibbah dan aman damai.

Saudara2:

Kegiatan2 militant Communist atau bagi kita, penjahat2 Kominis, di-sempadan Siam-Malaysia dan Sarawak-Indonesia dan di-Sarawak, di-Kedah dan akhir2 ini sudah berdekatan Ipoh pula, merusingkan kita kerana anchaman penjahat2 Kominis ini sentiasa ada dan jika kita tidak sentiasa berwaspada, anchaman yang merbahaya ini boleh menjadi burok yang akibat-nya saudara2 semua sedia ma'alum.

Tetapi saya yakin bahawa ra'ayat Malaysia dari semua bangsa yang chintakan tanah ayer dan yang ta'at setia-nya tidak berbelah bagi kapada-Nya akan sentiasa ta'at kapada Kerajaan dan akan menyokong Kerajaan dan melawan penjahat2 kominis itu habis2an. Saya yakin dan perchaya dengan berhasil-nya pelaksanaan Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini, kita akan dapat mengatasi bahaya militant communist di-Malaysia. Ini dengan sendiri-nya pula meletakkan harapan kita yang tinggi kapada Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini. Ia boleh membasmikan kemiskinan dan dengan tiada kemiskinan bahaya komunis akan dapat di-kawal.

Sebilangan besar ra'ayat Malaysia ada-lah bukan Komunis dan

mereka ini tidak menerima communism apa lagi Militant Communism tetapi mereka ini tidak pula yakin bahawa sebaik2 ubat untok melawan Communism ada-lah dengan menjadi anti-communist atau menerima capitalism Barat dengan melulu. Kita mahu berkawan dengan siapa2 pun dan dengan mana2 Negara jua tanpa kira bentok atau sistem Kerajaan mereka asalkan Negara2 itu mengiktirafkan kemerdekaan dan kedaulatan kita dan menerima dasar saling hormat menghormati antara satu sama lain dan tidak menchampori hal2 rumah tangga masing2. Dalam kontext ini-lah kita telah mengadakan hubungan diplomat dan perdagangan dengan negara2 Socialist dan Komunis di-Eropah Timor.

Malaysia berada di-rantau Asia Tenggara. Selepas Negara2 jiran kita yang dekat, Negara2 tetangga lain ia-lah Republic Ra'ayat Vietnam Utara, Republic Ra'ayat China dan Korea Utara.

Satu2-nya prinsip yang baik di-ikuti dalam perhubungan antara bangsa ia-lah kita mesti-lah menunjukkan sikap dan dasar yang bebas — sikap dan dasar yang sa-aliran dengan masa dan keadaan sambil menjagakan kepentingan kita sebagai sa-buah Negara yang kecil tetapi merdeka dan berdaulat. Dasar bebas ini mustahak jika kita hendak mengisikan dasar kita yang hendak meluaskan "horizon of friendship" dengan seberapa banyak Negara untok kepentingan politik dan perdagangan kita.

Oleh kerana kita memandang ka-hadapan dan kerana insaf kita ini sa-buah Negara yang kecil yang bertedoh di-pinggir bayang yang tidak rendang sa-tengah2 Negara besar, maka kita telah lama lagi daripada Negara2 atau Kuasa2 besar melihat ka-hadapan tentang perlu-nya di-adakan "detente" dengan Pemerintah Republik Ra'ayat

China. Malaysia telah mengambil inisiatif bagi mengekalkan keamanan di-Tenggara Asia dengan mengumumkan dasar Perkecualian Tenggara Asia atau Neutralization of South-East Asia dalam mana kuasa2 besar — USA, China, USSR — akan menjamin perkecualian rantau ini dan mana2 kuasa besar pun tidak akan champor tangan dalam pergolakan politik negara2 di-rantau ini.

Dasar Peking Berubah

Chadangan Malaysia ini tidak di-tentang oleh mana2 Negara dan setakat ini kemajuan2 atas chadangan seterusnya maseh di-kehendaki lagi. Namun begitu, Malaysia dan saya sendiri berbangga bahawa semenjak Malaysia mula2 mengemukakan chadangan ini setahun dahulu, perkembangan2, kemajuan pemikiran dan pertukaran 'attitude' terhadap China oleh Kuasa2 Besar Barat sangat jelas dan banyak Negara2 Eropah, ada yang menjadi anggota NATO, yang telah pun dan sedang meranchangkan hendak mengadakan hubungan diplomatic atau pun perdagangan dengan Negara yang mempunyai 750 juta manusia ini, ia-itu China dan satu pasaran yang paling besar dan kaya di-dunia hari ini.

Kita sedang memerhati dengan teliti perkembangan dan kemajuan Sino-American relationship selepas pengumuman bersama President Nixon dan Perdana Menteri Chou En-Lai tentang lawatan pemimpin Amerika ka-Peking tahun hadapan.

Malaysia bergembira di-atas perkembangan ini dan berharap perkembangan seterusnya akan menguntongkan kedua belah pihak dan sebarang persefahaman atau "rapprochement" antara kedua gergasi sa-mesti-nya ada-lah bagi keamanan seluruh dunia terutama

sekali di-rantau kita ini. Kalau tidak pun sekurang2-nya ia akan meredakan 'tension' dan menchegehakan kemungkinan2 yang tidak di-ingini daripada berlaku di-muka bumi ini.

Malaysia berharap "Perjalanan Persahabatan dan Damai" Presiden Nixon itu akan menolong "normalise the relations" antara dua bangsa itu. Malaysia akan terus berusaha di-perengkat kita bagi mewujudkan keamanan dunia dan di-rantau kita. Tetapi jelas sekarang China sekarang mempunyai 'Dasar yang lembut' di-perengkat perhubungan antara-bangsa, satu perkembangan yang sangat baik dan mengembirakan.

Perwakilan kita ka-Persidangan Bangsa2 Bersatu tahun ini merupakan perwakilan yang penting kerana kita akan memerhatikan 'development and excitement' berkenaan kemasokan China menjadi anggota Bangsa2 Bersatu. Oleh kerana itu besar kemungkinan-nya saya sendiri akan mengetuai Perwakilan Malaysia ka-Bangsa2 Bersatu tahun ini.

Saudara2:

Hasrat UMNO sama dengan hasrat ra'ayat. Parti kita ada-lah Parti yang di-punyai oleh ra'ayat — orang kaya, miskin, bangsawan, tua, muda, progresif dan conservative, kiri dan kanan — UMNO sa-benar2-nya mewakili semua perengkat bangsa Melayu di-Negara kita ini dan telah banyak menunjukkan jasa2 dan bakti2 kepada bangsa, agama dan watan.

Sebagai ahli2 UMNO, kita bersama2 bertanggung jawab untuk memperjuangkan chita2 dan tujuan UMNO serta hasrat ra'ayat hingga

segala hasrat itu terchapai, ia-itu, melahirkan satu bangsa Malaysia yang tulin, kuat, maju, bersatu padu dan ma'amor.

Bagi melaksanakan chita2 kita itu, maka kita mesti-lah memperkukuhkan Parti kita: memperkuat jentera dan segala tenaga dalam Parti, tenaga Pemuda dan Wanita UMNO hendak-lah di-salorkan bagi menentukan kejayaan dasar2 kita. Maka Parti kita mesti-lah menurut landasan2 disiplin yang tertentu.

Isikan Chita2 Ra'ayat

Saudara2:

Oleh kerana Parti politik ada-lah 'great intermediary' atau 'tali perhubungan' yang kuat yang menyatukan 'social force' dan 'ideology' dengan Kerajaan atau institut2 Kerajaan dan menggerakkan tindakan2 politik dalam masharakat seluroh-nya, maka Parti kita mesti-lah bukan sahaja ada disiplin tetapi sa-tiap anggota-nya mesti-lah menjunjungkan-nya dengan ta'at setia.

Tugas Parti kita yang besar dalam masa Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini berjalan ia-lah bagi mengembelinkan seluroh tenaga ra'ayat di-semua perengkat, dalam semua activity pekerjaan baik Kerajaan, persaorangan atau dalam private sector bagi menyokongkan Ranchangan ini dan bersama2 memainkan peranan — memberi kepintaran, kemahiran dan bakat masing2 bagi menjaminkan Ranchangan ini akan di-laksanakan dengan sempurna-nya.

Bagi menchapaikan chita2 itu UMNO hendak-lah dalam masa dan waktu yang sama di-jadikan sa-buah 'Party of Mobilization' yang

sa-benar2-nya yang akan menyatu-padukan ra'ayat bagi menyambut dan melaksanakan Rancangan Kerajaan ini.

Selain dari 'mobilize' ra'ayat atau mengembelingkan mereka, UMNO mesti-lah juga menjadi 'active agent' sebagai Parti yang akan 'integratekan' atau menyatu-padukan ra'ayat dan ini boleh di-chapaikan dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Yang Kedua berdasarkan Rukunegara dan Manipol 11 May, 1971.

Kekuatan UMNO ada-lah terletak di-atas kedudukan dan peranan kita bagi memperjuangkan chita2 dan hasrat ra'ayat. Dengan sebab itu, jikalau kita berpisah dari chita2 itu maka kita akan terlepas daripada akar umbi yang menyuborkan dan menguatkan pertumbuhan Parti kita.

Oleh kerana keadaan politik UMNO ada-lah Parti orang2 Melayu tetapi pada hakikat-nya UMNO ada-lah memperjuangkan kemudahan dan kesenangan untok semua ra'ayat yang miskin tanpa mengira bangsa dan UMNO akan mendahului kepentingan nasional dan ra'ayat daripada kepentingan sectional atau puak2 yang tertentu. Kita akan memechahkan mas'alah2 berdasarkan kapada kepentingan negara dan keuntongan ra'ayat seluroh-nya terutama sekali mereka yang tidak berada.

Dalam zaman Rancangan Malaysia Yang Kedua ini, apa-kah sa-benar2-nya perasaan dan hasrat atau chita2 ra'ayat khas-nya ahli2 UMNO? Chita2 dan hasrat ra'ayat ia-lah mereka itu berkehendakkan kapada perubahan nasib. Mereka berkehendakkan taraf hidup mereka di-perbaiki supaya menjadi lebeh tinggi dan lebeh sempurna lagi daripada yang ada pada hari ini. Mereka berkehendakkan kedudukan

ekonomi mereka di-perbaiki sesuai sa-bagai ra'ayat sa-buah negara yang merdeka dan berdaulat dan sedang membangun.

Pemimpin2 UMNO dan Kerajaan Perikatan sedar dan mengetahui chita2 dan hasrat ra'ayat ini. Dengan sebab itu, Kerajaan sedang menjalankan ikhtiar2 dengan seberapa daya-nya yang boleh untok memperbaiki ekonomi dan taraf hidup ra'ayat terutama sekali mereka yang miskin dan mundor. Semua ini akan dapat di-chapaikan dengan pelaksanaan semua matlamat2 yang ada dalam Ranchangan Malaysia Yang Kedua itu. Untong nasib kita pada besar-nya terletak di-atas Ranchangan Malaysia Yang teragong ini. Kerana itu-lah kita mesti berjaya dalam pelaksanaan-nya dan saya perchaya dan yakin kita akan berjaya dengan pertolongan Tuhan dan berkat usaha2 hamba-Nya.

Saudara2:

Kekuatan kita untok terus memerintah atau 'survival' kita tetap terjamin jika Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini di-jalankan dengan sempurna. Bagi menjaminkan ini, dasar politik kita mesti-lah mempunyai tujuan2 ini — segala2-nya mesti-lah beralah kapada kepentingan Negara. Kesempurnaan pelaksanaan Ranchangan Malaysia Yang Kedua akan menentukan sama ada kita terus hidup damai antara satu sama lain, sama2 berkhidmat bagi melahirkan satu masharakat Malaysia yang benar2 ma'amor dan kema'amoran-nya dapat di-neikmati oleh semua ra'ayat dengan adil dan saksama atau tidak.

Ini-lah tugas kita yang maha penting dan saya perchaya dan yakin bahawa UMNO dan Kerajaan dapat menjalankan tugas ini dengan sempurna-nya. Dengan semangat dan harapan ini, saya